

**KEPERLUAN MAKLUMAT PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN
POLITEKNIK KUCHING, SARAWAK: SATU TINJAUAN**

¹Adlin Yusnita Ilyas, ¹Sabrina Milan, ¹Lenny Kolina Majalis,
¹Kiprawi Sani dan ²Wan Ab Kadir Wan Dollah
¹Politeknik Kuching Sarawak, Malaysia
KM22, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak
²Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana
40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia
adlin@poliku.edu.my; abreen2000@yahoo.com; lennykolina@gmail.com;
kiprawisani@gmail.com; wkadir@salam.uitm.edu.my

ABSTRAK

Keperluan maklumat bagi setiap individu berbeza antara satu sama lain. Sebagai seorang pelajar, maklumat yang diperlukan boleh dianggap bersifat lebih akademik yang dapat membantu mereka menyelesaikan pelbagai persoalan. Artikel ini membincangkan secara ringkas berkaitan penemuan terhadap keperluan maklumat pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik Kuching Sarawak (PKS). Antara objektif tinjauan ini ialah bagi mengenalpasti keperluan maklumat, faktor yang mempengaruhi keperluan maklumat dan mengenalpasti sumber maklumat bagi memenuhi keperluan maklumat para pelajar yang mengikuti program kejuruteraan. Persampelan yang dipilih meliputi semua pelajar-pelajar semester lima dan enam yang melibatkan seramai 430 orang pelajar berbanding jumlah keseluruhan pelajar PKS semasa seramai 2,738 orang. Antara penemuan yang telah diperolehi ialah peranan Bahasa Melayu yang menjadi medium utama sama ada dari aspek komunikasi dan pemilihan bahan pembacaan. Selain itu, penggunaan internet di kalangan pelajar yang mana mereka sudah mempunyai pengetahuan tentang internet sejak alam persekolahan lagi. Tinjauan ini juga mendapati majoriti responden mengakses media-media sosial sebagai pilihan utama berbanding dengan akses-akses yang lain bersifat akademik. Rumusan tinjauan juga mendapati pengaruh bahasa memainkan peranan dalam aspek komunikasi dan pemilihan bahan bacaan.

Kata kunci: Keperluan maklumat; Maklumat; Teknologi maklumat; Perpustakaan

*Adlin Yusnita Ilyas, Sabrina Milan, Lenny Kolina Majalis,
Kiprawi Sani dan Wan Ab Kadir Wan Dollah*

PENGENALAN

McGraw-Hill Encyclopedia of Engineering (1983) menjelaskan bidang kejuruteraan memerlukan imaginasi secara semulajadi yang sentiasa tidak selesa dengan situasi dan kemudahan semasa. Sentiasa mencari yang baru, kos efektif dan baik dengan menggunakan sumber tenaga semula jadi untuk meningkatkan taraf dan memudahkan kehidupan. Disiplin kejuruteraan merupakan bidang yang pantas berkembang. Setiap bidang ilmu mempunyai konsep atau ciri-ciri kejuruteraan sebagai sebahagian daripada bentuk pengetahuan. Sebagai contohnya, kejuruteraan perisian, kejuruteraan alam sekitar dan banyak lagi contoh-contoh lain. Dalam erti kata lain, bidang kejuruteraan ini amat luas. Berdasarkan dunia yang pantas membangun negara kita amat memerlukan para pelajar khususnya bidang kejuruteraan yang mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan luas dalam mengembang potensi diri mereka.

Keperluan maklumat sentiasa berubah dan mengikut tujuan maklumat itu digunakan. Menurut Norliya (2010) ahli perniagaan memerlukan maklumat perniagaan untuk tujuan persaingan dan masa depan perniagaan mereka. Manakala bagi Prasad (2000) keperluan maklumat individu berbeza berdasarkan keperluan individu itu sendiri. Nicholas dan Herman (2009) pula menyatakan individu harus mempunyai keperluan maklumat untuk melaksanakan tugas dengan berkesan, menyelesaikan masalah dan untuk memenuhi keperluan minat dan hobi. Selain itu teknologi telah memainkan peranan besar dalam mengubah aspek maklumat seperti pencarian, pengesanan dan sebagainya. Jikalau dahulu televisyen dan surat khabar mendahului dalam melaporkan berita namun kemajuan teknologi telah mengubah senario tersebut. Waldman (2011) menjelaskan bahawa komuniti pada hari ini menghadapi kekurangan maklumat tempatan, professional dan kekurangan akauntabiliti disebabkan revolusi kemajuan teknologi. Selain itu Thompson (2003) mendapati dalam kajiannya majoriti pelajar memulakan penyelidikan kerja kursus dengan menggunakan internet dan kerap menggunakan enjin pencarian komersil.

Jelas bahawa teknologi telah mempengaruhi corak maklumat masyarakat pada hari ini. Senario ini merupakan cabaran yang perlu dilalui dalam aspek kehidupan sebagai pelajar yang memerlukan seseorang pelajar bergerak pantas seiring perubahan global yang memerlukan berfikir secara kritis terhadap maklumat yang diperolehi.

Salah satu objektif Jabatan Pendidikan Politeknik adalah untuk menerajui bidang tujuhan dan teknologi tertentu bagi menghasilkan graduan berkualiti yang berdaya usahawan dan berkebolehpasaran tinggi dan berdaya saing, sudah pasti memerlukan pelajar yang mempunyai pengetahuan yang luas. Bagi mencapai matlamat ini, PKS perlu melahirkan pelajar yang bukan sahaja mahir dalam bidang kejuruteraan sendiri tapi mahir untuk mendapatkan sumber dan maklumat

***Keperluan maklumat pelajar Diploma Kejuruteraan
Politeknik Kuching, Sarawak: Satu tinjauan***

yang luas dalam pelbagai aspek, bagi mengukuhkan kerelevanan dan responsif terhadap kehendak pembangunan ekonomi negara. Sehubungan itu, objektif tinjauan ini dilakukan adalah seperti berikut :

- a) Mengenalpasti keperluan maklumat di kalangan pelajar diploma kejuruteraan Politeknik Kuching Sarawak.
- b) Mengenalpasti faktor mempengaruhi keperluan maklumat di kalangan pelajar diploma kejuruteraan Politeknik Kuching Sarawak.
- c) Mengenalpasti sumber maklumat di kalangan pelajar diploma kejuruteraan Politeknik Kuching Sarawak.

**POLITEKNIK KUCHING SARAWAK SEBAGAI PENERAJU
PENDIDIKAN TEKNIKAL**

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) telah ditubuhkan pada tahun 1988 di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Terletak kira-kira 22 kilometer dari Bandaraya Kuching dan berkeluasan 112 ekar. PKS memulakan pengambilan pertama pada Julai 1989 dengan permulaan 204 orang pelajar. Sebagai sebuah institusi pendidikan yang menawarkan pendidikan teknikal, PKS memainkan peranan dalam melahirkan modal insan yang inovatif melalui pendidikan dan latihan transformasional bagi memenuhi tenaga kerja global. Penubuhannya juga selaras dengan objektif untuk menampung keperluan sumber tenaga kerja terlatih dalam memenuhi aspirasi negara ke arah perindustrian, seterusnya meningkatkan daya saing dalam pasaran dunia.

PKS mempunyai lapan jabatan akademik yang terdiri daripada enam jabatan induk dan dua jabatan sokongan. PKS menawarkan 13 program yang merangkumi bidang kejuruteraan dan bukan kejuruteraan. Program kejuruteraan yang ditawarkan terdiri daripada Diploma Kejuruteraan Awam (DKA), Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia) (DPE), Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) (DAD), Diploma Ukur Tanah (DUT), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) (DTP), Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (DPB) dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara & Penyejukbekuan) (DPU). Jumlah pelajar PKS semasa tinjauan dilakukan pada Sesi Disember 2012 ialah 2,738 orang. Sepanjang tempoh penubuhan sejak 25 tahun yang lalu PKS telah menghasilkan hampir 20,000 orang graduan yang bekerja dipelbagai sektor pekerjaan di Malaysia.

PERBINCANGAN

Tinjauan ini telah dilakukan terhadap pelajar kejuruteraan tahun akhir iaitu dari semester lima dan enam yang melibatkan 430 orang pelajar di empat buah jabatan akademik di PKS iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan

*Adlin Yusnita Ilyas, Sabrina Milan, Lenny Kolina Majalis,
Kiprawi Sani dan Wan Ab Kadir Wan Dollah*

Kejuruteraan Petrokimia. Mereka dipilih sebagai sampel kerana mereka telah memahami serta mengikuti sistem pendidikan politeknik selama hampir tiga tahun dan sudah terdedah kepada persekitaran perpustakaan. Daripada jumlah persampelan berkenaan seramai 430 responden hanya 313 soal selidik telah dianalisis untuk mendapatkan keputusan tinjauan.

Jadual 1: Demografi responden

	Frekuensi	Peratus
Jantina		
Lelaki	220	70.3
Perempuan	93	29.7
Jumlah	313	100
Program (Kod Program)		
Diploma Kejuruteraan Awam (DKA)		
Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia) (DPE)	86	27.5
Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP)	51	16.3
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM)	42	13.4
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) (DAD)	33	10.5
Diploma Ukur Tanah (DUT)	29	9.3
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) (DTP)	22	7.0
Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (DPB)	24	7.7
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara & Penyejukbekuan) (DPU)	20	6.4
Jumlah	313	100
Semester		
Lima	79	25.2
Enam	234	74.8
Jumlah	313	100

KEPERLUAN MAKLUMAT DIKALANGAN PELAJAR

Sebagai seorang pelajar, pelbagai projek seperti penulisan dan pembentangan perlu dilaksanakan. Oleh yang demikian keperluan maklumat yang berkaitan aspek berkenaan amat diperlukan bagi menyiapkan tugas dari aspek bahan bacaan dan kaedah persembahan projek.

Persembahan projek dan penulisan laporan

Sepanjang pengajian di PKS, majoriti responden memilih satu kaedah sahaja untuk persembahan projek dan penulisan mereka iaitu seramai 382(67%)

***Keperluan maklumat pelajar Diploma Kejuruteraan
Politeknik Kuching, Sarawak: Satu tinjauan***

responden menggunakan satu kaedah persembahan sepanjang pengajian. Berdasarkan dapatan tinjauan yang dilakukan terdapat beberapa kaedah-kaedah yang menjadi kebiasaan responden iaitu:

- Persembahan atas pentas (seperti nyanyian, tarian, *recitation* atau persembahan muzikal).
- Model 'mock up'.
- Reka bentuk prototaip.
- Pembentangan menggunakan *flip chart*, *power point* atau perisian pembentangan.
- Pameran.
- Video/CD/DVD.
- Lain-lain.

Jadual 2: Kaedah persembahan projek akademik

Kaedah	Frekuensi (%)
1	186 (32.5)
2-4	59 (10.3)
>4	68 (11.9)
Jumlah	313 (100)

Seterusnya, hanya 59(10.3%) memilih 2-4 kaedah dan hanya 68(11.3%) responden menggunakan lebih daripada empat kaedah untuk membuat persembahan.

Selain itu, majoriti responden sedang menyediakan laporan-laporan untuk program pengajian mereka. Ini dapat ditunjukkan pada Jadual 3 yang mana semua responden sedang menyediakan laporan iaitu 257(45.10%) responden memilih satu pernyataan yang sesuai dengan keadaan responden manakala 75(13.0%) memilih lebih daripada dua pernyataan. Pernyataan dikemukakan adalah seperti berikut.

- Saya sedang menulis untuk projek tahun akhir.
- Saya telah menulis kertas projek/laporan.
- Saya telah menulis tugas dalam format esei.

Berdasarkan Jadual 2 dan 3 menunjukkan bahawa majoriti responden amat memerlukan maklumat-maklumat yang boleh membantu mereka mempelbagaikan lagi kaedah persembahan projek dan juga melaksanakan penulisan laporan yang diperlukan.

*Adlin Yusnita Ilyas, Sabrina Milan, Lenny Kolina Majalis,
Kiprawi Sani dan Wan Ab Kadir Wan Dollah*

Jadual 3: Bilangan responden yang telah atau sedang menyediakan laporan

Pernyataan	Frekuensi (%)
1	257 (45.1)
>2	56 (9.8)
Jumlah	313 (100)

Bahan Pembacaan

Generasi Y merupakan mereka yang dilahirkan pada tahun 1986 dan ke atas. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan terhadap persampelan, majoriti responden gemar membaca bahan-bahan berkaitan pengembaraan dan komik iaitu 54 (9.4%), 50(8.8%) berbanding bahan-bahan lain. Ini sejajar dengan persampelan yang dikenali sebagai generasi Y, adalah tidak mustahil minat terhadap bahan pembacaan di masa lapang lebih menjurus terhadap bahan-bahan berunsur pengembaraan.

Jadual 4: Genre pembacaan oleh responden

Genre	Frekuensi (%)
Pengembaraan	54 (9.4)
Komik	50 (8.8)
Komputer/IT	25 (4.5)
Kereta/Permotoran	32 (5.6)
Masakan	25 (4.3)
Sukan	32 (5.5)
Fiksyen	17 (2.9)
Perniagaan/Kewangan	10 (1.7)
Fesyen	18 (3.1)
Cerpen	10 (1.7)
Keluarga	10 (1.6)
Kesihatan	11 (1.8)
Sejarah	7 (1.3)
Agama	5 (0.6)
Politik	5 (0.8)
Puisi	1 (0.1)
Lain-lain	2 (0.4)
Jumlah	313 (100)

*Keperluan maklumat pelajar Diploma Kejuruteraan
Politeknik Kuching, Sarawak: Satu tinjauan*

**FAKTOR MEMPENGARUHI KEPERLUAN MAKLUMAT
DIKALANGAN PELAJAR DIPLOMA POLITEKNIK KUCHING
SARAWAK**

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keperluan maklumat dikalangan pelajar PKS iaitu:

Peranan Bahasa Dalam Kehidupan Sehari-hari

Pertuturan bahasa utama memainkan peranan yang signifikan terhadap pemilihan bahasa sesuatu bahan. Tinjauan terhadap dapatan yang diperolehi pada Jadual 5, 6 dan 7 mendapati Bahasa Melayu menjadi pilihan utama responden. Bahasa Melayu memainkan peranan yang penting sebagai medium utama semasa berada di rumah dan kampus. Malah turut mempengaruhi pemilihan bahan bacaan responden. Tinjauan terhadap responden mendapati 219(38.4%) responden memilih Bahasa Melayu sebagai pertuturan di rumah, 276(48.5%) responden menggunakan Bahasa Melayu sebagai medium utama dikampus dan 258(45.3%) responden memilih bahan bacaan Bahasa Melayu berbanding bahasa-bahasa lain.

Jadual 5 Pertuturan bahasa di rumah

Di rumah	Frekuensi (%)
Bahasa Melayu	219 (38.4)
Bahasa Cina	41 (7.2)
Lain-lain	36 (6.2)
Bahasa Inggeris	13 (2.3)
Tamil	4 (0.7)
Jumlah	313 (100)

Jadual 6: Pertuturan bahasa di kampus

Di Kampus	Frekuensi (%)
Bahasa Melayu	276 (48.5)
Bahasa Cina	14 (2.4)
Bahasa Inggeris	17 (3.0)
Lain-lain	5 (0.8)
Tamil	1 (0.2)
Jumlah	313 (100)

*Adlin Yusnita Ilyas, Sabrina Milan, Lenny Kolina Majalis,
Kiprawi Sani dan Wan Ab Kadir Wan Dollah*

Jadual 7: Pemilihan bahasa bahan bacaan

Bahan Bacaan	Frekuensi (%)
Bahasa Melayu	258 (45.3)
Bahasa Cina	15 (2.6)
Bahasa Inggeris	37 (6.5)
Lain-lain	3 (0.6)
Jumlah	313 (100)

Pengaruh Teknologi Maklumat

Menurut Berita Harian yang memetik Laporan Eonomi 2013/2014 Kementerian Kewangan Malaysia, pengguna internet di Malaysia pada tahun 2012 mencecah 18 juta orang dan dijangka meningkat 25 juta orang pada tahun 2015. Laporan tersebut juga menyebut masyarakat Malaysia lebih banyak menghabiskan masa dengan internet berbanding televisyen, radio dan surat khabar. Nicholas dan Herman (2009) menyatakan dunia maklumat berasaskan internet hari ini, dimana maklumat yang dihasilkan dalam jumlah yang semakin meningkat dan orang-orang yang berkaitan dengan sumber-sumber maklumat mempunyai kuasa yang sukar ditandingi. Thompson (2003) menyatakan majoriti pelajar memulakan projek penyelidikan dengan mengakses ke internet dan menggunakan enjin pencarian yang berbentuk komersial. Teknologi terkini sudah mengubah paten maklumat pengguna pada hari ini. Kepantasan teknologi maklumat yang cepat berubah telah menyebabkan masyarakat perlu bergerak seiring agar tidak ketinggalan. Usaha-usaha kerajaan melaksanakan pembangunan infrastruktur teknologi maklumat sejak dulu telah banyak meransang pertumbuhan positif teknologi maklumat di Malaysia seperti penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC), Sekolah Bestari, Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan dan sebagainya. Hasil kesungguhan kerajaan membangunkan program teknologi maklumat ini memberi kesan kepada generasi muda di Politeknik Kuching Sarawak dengan majoriti responden sudah terdedah dengan dunia internet sejak di bangku sekolah lagi. Berdasarkan Jadual 8 seramai 133(23.3%) responden menggunakan internet semasa sekolah menengah dan 120(21.0%) disekolah rendah. Manakala 60(10.5%) mula menggunakan internet di politeknik.

Jadual 8: Pendedahan penggunaan internet

Institusi	Frekuensi (%)
Sekolah menengah	133 (23.3)
Sekolah rendah	120 (21.0)
Politeknik/Kolej/Universiti	60 (10.5)
Jumlah	313 (100)

***Keperluan maklumat pelajar Diploma Kejuruteraan
Politeknik Kuching, Sarawak: Satu tinjauan***

Sejak pengenalan media sosial dan jaringan komunikasi penghujung tahun 1990-an berlaku perubahan lanskap maklumat pengguna. Rusell (2008) menyatakan akses internet sudah menjadi kebiasaan dalam isi rumah. Penyebaran maklumat tidak lagi menggunakan medium seperti faks, pos dan sebagainya tetapi hanya bersandarkan hujung jari sahaja. Kemunculan media-media sosial telah mempengaruhi keperluan maklumat manusia seperti *facebook* dan *twitter* pada tahun 2006 telah memudahkan lagi perhubungan antara manusia serta memudahkan maklumat disebar di dunia internet. Merujuk kepada Jadual 9, majoriti responden iaitu 145(25.5%) responden menggunakan internet untuk mengakses media-media sosial berbanding untuk tujuan-tujuan lain.

Jadual 9: Tujuan menggunakan internet dikalangan responden

Tujuan	Frekuensi (%)
Blog/facebook/twitter/Friendster	145 (25.5)
Mencari kerja	33 (5.8)
Bermain permainan komputer	25 (4.3)
Menyemak berita terkini	17 (2.9)
Pencarian pangkalan data untuk maklumat akademik	21 (3.6)
Muat turun lagu/filem/gambar	15 (2.6)
Muat turun perisian/program	21 (3.5)
Chat dengan rakan	13 (2.4)
Emel	13 (2.2)
Menyertai <i>e-groups/user groups/forum</i>	5 (0.8)
Berinteraksi dengan pensyarah	4 (0.7)
Lain-lain	1 (0.2)
Jumlah	313 (100)

MENGENALPASTI SUMBER MAKLUMAT

Laman web

Pada tinjauan ini, pelajar program kejuruteraan PKS telah memilih laman web sebagai sumber utama mendapatkan maklumat berbanding sumber-sumber yang lain.

Berdasarkan Jadual 10 seramai 278 (88.8%) responden memilih laman web untuk mencari maklumat terkini yang merupakan pilihan tertinggi responden berbanding sumber-sumber lain. Ini diikuti oleh ensiklopedia 7 (2.2%), surat khabar 13 (4.2%), majalah 6 (1.9%), buku 6 (1.9%) dan jurnal 7 (2.2%). Ini menunjukkan bahawa 88.8% responden suka menggunakan internet dalam pencarian maklumat.

*Adlin Yusnita Ilyas, Sabrina Milan, Lenny Kolina Majalis,
Kiprawi Sani dan Wan Ab Kadir Wan Dollah*

Jadual 10: Sumber maklumat responden

Sumber	Frekuensi (%)
Laman web	278 (48.7)
Ensiklopedia	7 (1.2)
Surat khabar	13 (2.3)
Majalah	6 (1.1)
Buku	6 (1.0)
Jurnal	3 (0.5)
Jumlah	313 (100)

Format Bercetak

Berdasarkan Jadual 11 tinjauan juga mendapati majoriti responden masih bergantung dengan buku sebagai rujukan utama untuk membuat kerja-kerja kursus mereka berbanding dengan format-format yang lain iaitu 74 (23.6%) responden. Ini diikuti lain-lain sumber seperti ensiklopedia, pangkalan data elektronik dan sebagainya.

Jadual 11: Format bahan untuk rujukan

Bahan	Frekuensi (%)
Buku	74 (12.9)
Ensiklopedia	57 (10.0)
Pangkalan data elektronik	52 (9.1)
Jurnal	41 (7.2)
Surat khabar	32 (5.3)
Tesis/laporan teknikal/disertasi	25 (4.4)
Majalah	14 (2.4)
Prosiding	10 (1.7)
Penerbitan kerajaan	9 (1.5)
Jumlah	313 (100)

Perpustakaan sebagai Pusat Aktiviti Dikalangan Pelajar

Peranan perpustakaan amat penting dalam sesebuah institusi pendidikan. Bukan sahaja dalam bidang pendidikan, peranan perpustakaan sebagai pusat riadah dan sosial telah menyebabkan perpustakaan menjadi semakin penting. Kewujudan perpustakaan dalam kehidupan masyarakat sejak ratusan tahun dahulu telah menjadikan perpustakaan sebagai penandaras kemajuan sesuatu tamadun manusia. Sebagai pusat keilmuan utama di PKS, perpustakaan memainkan peranan yang besar dalam membantu meningkatkan nilai tambah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti riadah dan sosial. Semasa tinjauan ini dilaksanakan majoriti pelajar menyatakan tujuan utama mereka berkunjung ke perpustakaan disebabkan ingin belajar dan tujuan-tujuan yang bermanfaat.

***Keperluan maklumat pelajar Diploma Kejuruteraan
Politeknik Kuching, Sarawak: Satu tinjauan***

Majoriti responden iaitu 64 (20.4%) memilih tujuan ke perpustakaan disebabkan ingin belajar berbanding aktiviti-aktiviti yang lain.

Jadual 12: Tujuan mengunjungi perpustakaan

Tujuan	Frekuensi (%)
Belajar	64 (11.2)
Membuat tugas	59 (10.3)
Meminjam buku	59 (10.3)
Berbincang aspek akademik	33 (5.9)
Mencari bahan di rak	22 (3.9)
Membaca akhbar/majalah	24 (4.1)
Berjumpa rakan	17 (2.9)
Menggunakan internet	11 (1.9)
Membaca jurnal akademik	10 (1.7)
Menggunakan pangkalan data atas talian	7 (1.2)
Lain-lain	7 (1.1)
Jumlah	313 (100)

RUMUSAN TINJAUAN

Pengaruh Bahasa

Majoriti responden yang menyertai tinjauan ini menggunakan Bahasa Melayu sebagai pertuturan utama di rumah dan kampus. Ini menunjukkan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan juga bahasa pengantar utama. Berdasarkan pemerhatian ini didapati majoriti responden lebih memilih bahan bacaan Bahasa Melayu iaitu 258(82.4%) responden selain bahasa-bahasa lain.

Internet dan generasi Y

Menurut Thaler (2012) generasi Y merupakan mereka yang dilahirkan pada tahun 1982-1991. Golongan ini sangat terdedah dengan teknologi yang sememangnya tidak dapat lari dengan internet. Malah kehidupan mereka sudah terdedah dengan media-media sosial selari peredaran semasa. Laman-laman sosial menjadi pilihan responden yang terdiri dari generasi Y iaitu 145(46.3%). Malah bahan-bahan berunsur komik dan pengembaraan menjadi pilihan utama responden sebagai pembacaannya.

Pembudayaan Ilmu

Responden masih menggunakan perpustakaan sebagai medium utama untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka di politeknik. Ini dapat diperhatikan pada Jadual 12 iaitu 59(18.8%) responden menggunakan perpustakaan untuk belajar.

*Adlin Yusnita Ilyas, Sabrina Milan, Lenny Kolina Majalis,
Kiprawi Sani dan Wan Ab Kadir Wan Dollah*

Buku Dan Format Bercetak

Tinjauan juga mendapati responden masih memilih buku sebagai rujukan utama serta bahan bercetak untuk membuat kerja kursus atau penyelidikan. Ini mungkin disebabkan keselesaan atau telah menjadi kebiasaan mereka untuk merujuk buku dan bahan bercetak berbanding sumber rujukan yang lain.

PENUTUP

Tinjauan ini boleh memberi gambaran bahawa keperluan maklumat dalam kalangan pelajar kejuruteraan tidak sama dan bergantung kepada individu itu sendiri. Senario hari ini yang telah menyebabkan berlakunya lambakan maklumat yang menyebabkan manusia pada hari ini bersaing dan berlumba-lumba mengumpul maklumat dan menggunakan untuk kehidupan seharian. Perubahan ke atas keperluan maklumat seseorang itu senantiasa berlaku mengikut peredaran zaman. Maklumat akan menjadi semakin penting pada zaman ini dan akan datang.

BIBLIOGRAFI

- Andretta, S. 2006. *Information literacy: challenges of implementation*. Retrieved 5 December 2012, from: <http://www.ics.heacademy.ac.uk/italics/vol5iss1.htm>
- Belisle, Claire. 2006. Literacy and the digital knowledge revolution. IN: *Digital Literacies for Learning*. London : Facet Publishing.
- Berita Harian. 2013. Bajet 2014 : pengguna internet cecah 25 juta pada 2015. *Berita Harian*.25 Oktober. Retrieved from: www.bharian.com.my
- Case, Donald O. 2002. *Looking for Information : A Survey of Research on Information Seeking, Needs, and Behavior*. 3rd ed. Bingley: Emerald Group Publishing Ltd.
- Chanetsa, Bernadtte and Grobler, Judy. 2009. *Library and information skill training at the Polytechnic of Namibia, NJLC*, Vol. 3, no. 2. Retrieved 11 December 11 2012 from: <http://ir.polytechnic.edu.na/bitstream/10628/110/1/Chanetsa%20%26%20Grobler.%20Library%20and%20information%20skills%20training.pdf>
- Edzan, N.N. 2008. Information literacy development in Malaysia : a review. *Libri*, Vol. 58: 265-280. Retrieved 11 December 2012 from: <http://www.librijournal.org/pdf/2008-4pp265-280.pdf>
- Haslinda Husaini et al. 2011. Keperluan modul literasi maklumat di perpustakaan akademik di Malaysia: kajian kes. *Prosiding Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011*. Kuala Lumpur : Persatuan Pustakawan Malaysia.
- Higntte, Micheal; Margavio, Thomas M. and Margavio, Geanie W. 2009. Information literacy assessment ; moving beyond computer literacy.

***Keperluan maklumat pelajar Diploma Kejuruteraan
Politeknik Kuching, Sarawak: Satu tinjauan***

- College Student Journal*, Vol. 43, no. 3: 811-821. Retrieved 11 December 2012 from:
<http://connection.ebscohost.com/c/articles/43969283/information-literacy-assessment-moving-beyond-computer-literacy>
- Horton, Forest Woody Jr. 2007. *Understanding Information Literacy : A Primer*. Retrieved 11 December 2012:
<http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001570/157020e.pdf>
- Jeanne Brown, et al. 2006. *Information Competencies For Students In Design Disciplines*. Retrieved 11 December 2012 from:
<http://www.arlisna.org/resources/onlinepubs/informationcomp.pdf>
- Kawatra, P.S. 1992. *Library User Studies: A Manual for Libraries and Information Scientist*. Bombay: Jaico Publishing.
- Korobilli, S. and Tilikidou, I. 2005. The necessity of information literacy education in a marketing department. *New Library World*, Vol. 106, no. 1218/1219: 519-513.
- Malaysia. Kementerian Pengajian tinggi. Jabatan Pengajian Politeknik. 2009. *Hala Tuju Transformasi Politeknik : Ke Arah Kelestarian Penghasilan Modal Insan Negara*. Seri Kembangan, Selangor : Jabatan Pengajian Politeknik. Retrieved 11 December 2012 from:
<http://www.politeknik.edu.my>
- Manuel, Kate. 2002. *Teaching Information Literacy to Generation Y. Information Literacy Programs : Success and Challenges*. New York. The Haworth Information Press.
- McGraw-Hill. 1983. *McGraw-Hill Encyclopedia of Engineering*. New York : McGraw-Hill.
- Mohd Sharif Mohd Saad and A.N. Zainab. 2002. Information literacy programmes in Malaysian public universities: an observation. *68th IFLA Council and General Conference August 18-24, Glasgow*. Retrieved 12 December 2012 from: <http://myais.fsktm.um.edu.my/1019/>
- National Information Technology Council. 2001. *About National IT Agenda-NITA*. Retrieved 14 December 2012 from:
http://nitc.mosti.gov.my/nitc_beta/index.php/national-ict-policies/national-it-agenda-nita
- Neely, Teresa. 2006. *Information Literacy Assessment ; Standard-Based Tools and Assignments*. Chicago: American Library Association.
- Nicholas, David and Herman, Eti. 2009. *Assessing Information Needs in the Age of the Digital Consumer*. London : Routledge.
- Norliya Ahmad Kassim. 2010. Information needs of Malaysian Bumiputera would-be enterpreneuers. *Malaysian Journal of Library and Information Science*, Vol. 15, no.2 : 57-69. Retrieved 20 December 2012 from:
<http://ejum.fsktm.um.edu.my/ArticleInformation.aspx?ArticleID=889>

**Adlin Yusnita Ilyas, Sabrina Milan, Lenny Kolina Majalis,
Kiprawi Sani dan Wan Ab Kadir Wan Dollah**

- Pilerot, O. 2004. Information literacy education for PhD- students - a case study. *Nord I & D, Knowledge and Change*. 92-98.
- Rockman, I. F. 2002. *The Importance of Information Literacy*. Retrieved 26 December 2012 from: http://www.exchangesjournal.org/viewpoints/1100_Rockman_pg1.html
- Rosmah Ali et al. 2010. Information literacy skills of engineering students. *IJRRAS*, Vol. 5, no. 3. Retrieved 11 December 2012 from: http://www.arpapress.com/Volumes/Vol5Issue3/IJRRAS_5_3_08.pdf
- Sanford, S. 2000. *Terry Crane: Inspiring Connections*..Retrieved 26 December 2012 from: <http://www.convergemag.com/Publications/CNVGSept00/profilecrane/profile.shtml>.
- Shaheen Majid, and Ai Tee Tan. 2002. Usage of information resources by computer engineering students: a case study of Nanyang Technological University, Singapore. *Online Information Review*, Vol. 26, no. 5: 318-325
- Solomon, Amy; Wilson, Gwenn and Taylor, Terry. 2012. *100% Information Literacy Process*. Boston: Wadworth Cengage Learning.
- Thaler, Valerie. 2013. Teaching historical research skills to generation Y: one instructor approach. *The History Teacher*, Vol. 46, no. 2. Retrieved December 2013 from: <http://www.societyforhistoryeducation.org/pdfs/Thaler.pdf>
- Ungan, Mehmet and Yaman, Hakan.2003. *AIDS Knowledge and Educational Needs of Technical University Students in Turkey*. Retrieved 1 January 2013 from: <http://researchgate.net>.